

Hari Keluarga Taman Impian

Encik Husin membawa keluarganya ke taman rekreasi. Di taman tersebut berlangsungnya sambutan Hari Keluarga Taman Impian.



“Wah, ramai jiran kita yang hadir! Mesti seronok apabila kita menyertai acara seperti ini,” kata Hadif.

“Betul, Hadif. Sambutan hari keluarga ini memang menyeronokkan. Selain itu, sambutan ini dapat mengeratkan hubungan sesama jiran. Semangat kemasyarakatan juga dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat,” kata Encik Husin kepada anggota keluarganya.

“Ibu, mengapakah kita perlu hadir ke majlis seperti ini?” tanya Aina.

“Aina, Hadif dan Hajar, kita perlu hadir ke majlis seperti ini supaya dapat mengenali jiran kita. Apabila kita saling mengenali, semangat perpaduan akan dapat dipupuk. Seterusnya, kita dapat hidup dengan aman dan makmur. Keharmonian negara kita akan terus terpelihara,” jelas Puan Nurul.

“Selepas mendaftar, kami hendak ke khemah di sana untuk bersarapan. Kemudian, kami ingin menyertai pertandingan melukis, mencari harta karun dan tulisan berangkai. Bolehkah, ayah?” tanya Hadif.

“Boleh. Nanti kita ke sana bersama-sama,” jawab Encik Husin.

